

15 APR 1997

Anwar-Wanita

PEMIMPIN WANITA TIDAK PERLU BERDEBAT MENGENAI AKAUN PERGERAKAN

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pemimpin Pergerakan Wanita Umno sekarang dan yang lepas supaya berhenti "berdebat" secara terbuka mengenai akaun pergerakan itu.

Anwar berkata Majlis Tertinggi ((MT) telah mengarahkan supaya akaun Wanita Umno yang lepas disiasat kerana terdapat aduan bahawa pemegang-pemegang jawatan pergerakan itu yang lalu mengeluarkan wang daripada akaun itu tanpa kebenaran pucuk pimpinan baru.

"Ini berlaku kerana pemimpin pergerakan wanita yang lepas belum menyerahkan akaun itu secara rasmi kepada pucuk pimpinan baru," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi menangani Masalah Sosial di sini hari ini.

Bendahari Umno Tun Daim Zainuddin diarah mengetuai siasatan akaun berkenaan dan akan melaporkannya kepada MT.

Semasa diminta mengulas keputusan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib mengekalkan jawatan naib presiden Umno, Anwar berkata beliau dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghormati keputusan Muhammad.

Katanya Muhammad telah menemui mereka berdua untuk menyatakan pendiriannya itu.

"Kita menghormati keputusan beliau dan bersetuju bawa hal ini untuk dibincangkan sebagai satu urusan parti.

"Ini adalah soal parti, kita akan putuskan dalam parti," katanya.

Selain meletakkan jawatan Menteri Besar, Muhammad turut melepaskan jawatan-jawatan sebagai Ketua Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional Selangor serta Wilayah Persekutuan.

Anwar berkata Umno menyambut baik keputusan Muhammad melepaskan jawatan-jawatan itu demi kepentingan parti dan kerajaan. -- BERNAMA

SJA HT RON